

**TEKS UCAPAN DATO SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD ALI**  
**PRESINT 10, PUTRAJAYA**  
**MAJLIS PERASMIAN PECAH TANAH PUSPANITAPURI**  
**14 OGOS 2002**

Terutama sekali, di pagi yang mulia ini, saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan izinNya dapat kita bersama-sama berada di tapak pembinaan Puspanitapuri yang sungguh nyaman, tenteram lagi menarik ini.

2. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Puan Sri Suslita Abdul Majid, Pengerusi Puspanita Kebangsaan, serta ahli-ahli Puspanita yang sudi menjemput saya untuk merasmikan Upacara Pecah Tanah Pembinaan Puspanitapuri.

3. Saya selaku Penaung Puspanita amat berbangga kerana Puspanita sekali lagi berjaya mendirikan sebuah lagi bangunan untuk aktiviti-aktiviti mereka. Kali ini, Puspanitapuri yang serba lengkap akan dibina di tapak sebesar 3.1 ekar di Presint 10, Putrajaya.

4. Kejayaan untuk mendirikan bangunan ini sudah tentunya adalah hasil daripada pandangan jauh serta usaha gigih dan komitmen tinggi daripada semua ahli- ahlinya serta Pengerusi Puspanita.

5. Mengenai aktiviti-aktiviti Puspanita, saya difahamkan aktiviti yang kini dijalankan oleh Puspanita telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Saya diberi tahu bahawa gabungan Persatuan Puspanita dan MSKWP telah berjaya membuka 160 warung jualan dan hasil daripada jualan serta sewaan warung ini akan didermakan kepada mereka yang memerlukan pada bulan Ramadan kelak.

6. Selain itu Tabung Latihan dan Tabung Puspadara masih berjalan dengan rancak dan penuh bersemangat lagi.

7. Baru-baru ini Puspanita telah mengadakan Pertandingan Tiru Gaya Biduanita Saloma. Pertandingan seperti ini belum pernah diadakan oleh mana-mana pihak sebelum ini. Syabas kepada Puspanita atas idea yang menghiburkan itu.

8. Puspanita juga tidak ketinggalan dalam perkara keagamaan, di mana di masa yang terdekat ini Pertandingan Marhabban juga akan dianjurkan dan saya difahamkan, juga mendapat sambutan yang mengkagumkan.

9. Ini menunjukkan petanda yang baik untuk Puspanita yang berjaya mengwujudkan suasana "Semangat Kekitaan" kepada ahli-ahlinya.

10. Saya juga gembira kerana Puspanita Kebangsaan begitu prihatin dengan agenda Kerajaan dan perkembangan semasa di mana program yang dirancang dan dijalankan meliputi bidang-bidang seperti kepenggunaan dan undang- undang, keusahawanan,

kesihatan, sukan, I.C.T., ketrampilan diri, pembangunan keluarga serta pembangunan alam bina dan alam sekitar.

11. Saya difahamkan program-program yang dirancang dan dijalankan seperti disebut tadi, adalah berbentuk kursus, bengkel ceramah, latihan amali dan juga pameran.

12. Oleh itu, semua aktiviti ini sudah tentunya memerlukan tempat yang sesuai. Dengan terbinanya Puspanitapuri ini saya percaya bukan sahaja ianya dapat menampung aktiviti-aktiviti serta program-program yang direncanakan untuk merealisasikan wawasan Kerajaan, malah dapat mengwujudkan masyarakat penyayang lagi sihat dan cergas, berserta dengan terapan nilai-nilai murni di samping dapat membangkitkan keprihatinan ahli-ahli terhadap pembangunan alam bina dan alam semulajadi.

13. Justeru itu misi Puspanita untuk menjadikan wanita yang berdaya saing, berkualiti, berilmu, berkemahiran, berketrampilan pasti tercapai untuk menyumbang bukan sahaja kepada pembangunan diri dan keluarga malah kepada masyarakat sejagat juga.

14. Puspanitapuri sudah tentunya akan menjadi mercu tanda kepada Puspanita di mana ahli-ahlinya dapat mengwujudkan silaturahim dan networking di antara wanita-wanita dari semua lapisan peringkat hingga ke peringkat antarabangsa. Puspanitapuri ini akan menjadi "Nuclues Centre" serta "Referral Centre" untuk ahli-ahli khususnya dan wanita umumnya.

15. Sekali lagi, "Syabas" saya ucapkan kepada Puspanita yang telah berjaya mengorak langkah ke tangga kejayaan dengan terbinanya Puspanitapuri - suatu lambang kemajuan dan kejayaan aktiviti-aktiviti ahlinya.

16. Akhir kata, pada hari yang penuh bersejarah ini saya dengan lafaz "Bismillah Hirrahman Nirrahim" merasmikan upacara pecah tanah Puspanitapuri.

17. Sekian, terima kasih. Wassalam.